

Untuk Siaran Segera

Panasonic Memperkenalkan Kamkoder Amatir 3D Pertama¹ Dunia

Kamkoder inovatif baru Panasonic memaparkan rakaman 3D kepada pengguna amatir dan video HD 2D yang berkualiti tinggi.

Kuala Lumpur, 2 September 2010 – Syarikat Panasonic, peneraju dalam industri teknologi HD Penuh 3D dan Televisyen HD, telah melancarkan kamkoder amatir¹ 3D pertama di dunia. Model kamkoder HDC-SDT750 membolehkan pengguna menghasilkan imej gambar 3D yang seakan-akan imej sebenar dengan memasang lensa pemindahan 3D yang didatangi bersama kamkoder tersebut. Walaupun tanpa penggunaan lensa pemindahan 3D, kamkoder berinovatif ini menawarkan pelbagai cara pintar untuk membuat rakaman video dengan pelbagai fungsi yang disedia ada.

Dengan teknologi penyiaran Panasonic, Sistem lanjutan 3MOS pada kamkoder model SDT750 membolehkan pengguna menghasilkan filem 3D mereka sendiri, dimana sebelum ini hanya penerbit imej professional yang boleh melakukannya. Digabung bersama Televisyen² VIERA 3D dan Pemain/Perakam³ Cakera Blu-ray™, kamkoder SDT750 boleh merekod dan menyimpan imej-imej memori keluarga dan sahabat handai yang tidak ternilai dalam bentuk imej 3D yang seakan-akan imej sebenar. Dunia hiburan 3D di rumah akan menjadi lebih menarik.

Pelbagai cara penggunaan menarik yang sedia ada pada kamkoder SDT750 walaupun tanpa penggunaan lensa pemindahan 3D. Sistem 3MOS dengan fungsi teknologi pengurangan butiran [*noise reduction (NR)*] yang boleh merakam imej yang kurang terang dengan berkesan. Fungsi lain termasuk 1080/60p untuk NTSC atau 1080/50p untuk rakaman PAL (HD Penuh 1,920 x 1,080, 60 atau 50 rakaman progresif)⁴ menghasilkan imej lebih lancar, mod⁴ Auto Pintar (*iA, Intelligent Auto*) dalam Penstabil/Penstabilan Imej Optik⁴ HYBRID baru (*O.I.S. Optical Image*

Stabilization/Optical Image Stabilizer) dan pelbagai fungsi manual yang dikawal dari gegelang manual untuk rakaman yang kreatif dan mudah.

Sistem 3MOS dengan sensitiviti tinggi yang mempunyai kiraan piksel imej bergerak yang efektif, 7,590,000 piksel (2,530,000 piksel x 3). Teknologi yang lebih canggih yang meningkatkan sensitiviti kiraan piksel imej dan teknologi pengurangan butiran boleh menghasilkan imej yang cerah dengan kurang butiran apabila merakam dalam keadaan kurang cahaya. Ini meningkatkan fungsi 3MOS yang memaparkan penghasilan semula warna yang hebat, resolusi dan gradasi tinggi, membolehkan pengguna merakam imej berwarna samar dalam keadaan sekitar yang terang ataupun gelap.

Kamkoder SDT750 boleh merakam 1,080/60p untuk NTSC atau 1,080/50p untuk PAL⁴, menghasilkan imej ekspresif yang jela, terperinci dan rakaman konvensional 1,080i (*interlace*). Tambahan lagi, fungsi iA yang sangat popular dalam model-model sebelum ini, memudahkan pengguna untuk merakam video yang menakjubkan. Kamkoder SDT750 juga menggabungkan sistem⁴ Penstabil Imej Optik HYBRID (*O.I.S*) untuk kualiti imej HD dan rakaman telefoto yang jelas dan cantik.

Catatan:

1 Sebagai kamkoder amatir dengan lensa pemindahan 3D untuk standard AVCHD (mulai Julai 1, 2010).

2 Model VIERA yang bersesuaian akan diumumkan kemudian.

3 Model Pemain dan Perakam Cakera Blu-ray™ akan diumumkan kemudian.

4 Fungsi ini tidak boleh digunakan apabila lensa pemindahan 3D digabungkan.

5 Gegelang manual mengawal focus, pendedahan zoom, kelajuan shutter dan *white balance settings*. Kawalan gegelang manual ini tidak boleh digunakan apabila lensa pemindahan 3D digabungkan.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Ashleigh Hong
Eksekutif, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 526 0265
Emel: ashleigh.hong@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Stacy Kew
Eksekutif Pemasaran, Bahagian Audio Visual Digital
Tel: 03 7809 7687 Fax: 03 7955 2848 Mobil: 012 289 8933
Emel: stacy.kew@my.panasonic.com

###